

Peguam lesapkan duit klien RM500,650

MELAKA – Seorang peguam tergamak melesapkan wang lima kliennya melebihi setengah juta ringgit sebelum bertindak menutup syarikatnya dan menghilangkan diri.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Melaka, Superintendant E. Sundra Rajan berkata, mangsa tersebut mendakwa telah ditipu suspek berkaitan dengan urusan jual beli hartanah.

Katanya, menurut laporan dibuat oleh lima mangsa, suspek telah menyalahgunakan wang penjualan dan pembelian rumah masing-masing bernilai RM350,000 dan RM147,000.

“Polis kini sedang memburu seorang peguam berusia 39 tahun selepas menerima laporan daripada lima mangsa mendakwa wang mereka telah disalahguna suspek.

“Jumlah keseluruhan kerugian adalah RM500,650 membabitkan wang urusan penjualan dan pembelian rumah,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata, mangsa-mangsa juga melaporkan syarikat peguam berkenaan telah ditutup sebelum suspek meng-



KINGSLEY WAMBECK

hilangkan diri.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan atas kesalahan pecah amanah,” katanya.

Sehubungan itu, ujar beliau, polis sedang mengesan seorang lelaki dikenali sebagai Kingsley Wambeck bagi membantu siasatan kes tersebut.

Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi Inspektor Mohd. Yassar Ishak di talian **017-6806680**, Inspektor Izrayasrina Muhamad Saad (**012-6773402**) dan Inspektor Koet Pei Ing (**016-4121209**).